

## Meneroka Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Luar Talian Murid Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19

*(Exploring Offline Teaching and Learning Methods of Rural Students During the Covid-19 Pandemic)*

Mohd Ashraaf Bikri Abdul Manaf<sup>1</sup>, Shahlan Surat<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [p110866@siswa.ukm.edu.my](mailto:p110866@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [drshahlan@ukm.edu.my](mailto:drshahlan@ukm.edu.my)

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Shahlan Surat

([drshahlan@ukm.edu.my](mailto:drshahlan@ukm.edu.my))

### KATA KUNCI:

Luar talian

Pengajaran langsung

Pengajaran terbeza

Pembelajaran penemuan

### KEYWORDS:

Offline

Direct teaching

Differentiated teaching

Discovery learning

### CITATION:

Mohd Ashraaf Bikri Abdul Manaf & Shahlan

Surat. (2022). Meneroka Kaedah

Pengajaran dan Pembelajaran Luar Talian

Murid Luar Bandar Semasa Pandemik

Covid-19. *Malaysian Journal of Social*

*Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8),

e001664.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1664>

### ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk meneroka kaedah pengajaran dan pembelajaran luar talian murid luar bandar semasa pandemik COVID-19. Kajian memfokuskan kaedah pengajaran langsung, pengajaran terbeza dan pembelajaran penemuan. Seramai tiga orang guru sekolah kebangsaan yang bertugas di kawasan pedalaman Sarawak dalam kajian ini telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Instrumen kajian ini merupakan soalan temu bual yang telah disahkan oleh pakar dalam bidang pendidikan yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua guru melaksanakan kaedah pengajaran langsung berasaskan modul yang interaktif dan mudah. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan guru melaksanakan kaedah pengajaran terbeza mengikut tahap murid serta pembelajaran penemuan iaitu projek berasaskan video. Kajian ini juga mendapati bahawa komunikasi antara guru dan murid merupakan cabaran utama semasa pengajaran luar talian. Implikasi kajian ini mencadangkan agar guru-guru menambahkan kesediaan mereka dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya dapat berhadapan dengan situasi tidak menentu dalam pendidikan.

### ABSTRACT

This survey study was conducted to explore the offline teaching and learning methods of rural students during the COVID-19 pandemic. The study focuses on direct teaching methods, differentiated teaching and discovery learning. A total of three national school teachers working in the interior of Sarawak in this study were selected using purposive sampling techniques. This research instrument is an interview question that has been verified by an experienced expert in the field of education and has a good reliability value. The findings of the study show that all

teachers implement direct teaching methods based on modules that are interactive and easy. In addition, the findings of this study also show that teachers implement different teaching methods according to the level of students as well as discovery learning, which is a video-based project. This study also found that communication between teachers and students is a major challenge during offline teaching. The implications of this study suggest that teachers increase their readiness in diversifying teaching methods so that they can deal with uncertain situations in education.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan kepada pelajar luar bandar semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan secara lebih mendalam. Perincian kaedah ini meliputi cara dan aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran langsung, pengajaran terbeza dan pembelajaran penemuan.

## 1. Pengenalan

Kehidupan manusia hari ini telah berubah secara drastik disebabkan wabak pandemik COVID-19 yang merebak di seluruh dunia. Menurut United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada hampir 1.5 bilion murid daripada 165 buah negara di seluruh dunia (Wan, 2020). Kaedah pembelajaran di Malaysia juga tidak terkecuali menerima perubahan berikutan kenyataan perdana menteri yang memohon agar kaedah pembelajaran dari rumah atau *home-based learning* dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehinggalah kebenaran pembukaan semula sekolah (Jabatan Perdana Menteri, 2020). Para guru telah diarahkan supaya menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bergantung kepada kesesuaian guru dan murid sama ada secara dalam talian ataupun luar talian. Menurut definisi operasi dalam manual pengajaran dan pembelajaran di rumah versi 2 menyebut bahawa "PdPR ialah PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau off-site dengan berstruktur dan terancang" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Semestinya proses adaptasi daripada kaedah pengajaran secara konvensional kepada kaedah pembelajaran dari rumah merupakan cabaran baru buat semua yang terlibat dalam pendidikan terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Antara cabaran tersebut ialah keterlibatan pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di mana kaedah pembelajaran tradisional di dalam bilik darjah mempunyai suasana yang terkawal namun kaedah pembelajaran dari rumah merupakan antara alternatif terbaik yang perlu diikuti oleh murid semasa pandemik. Walaupun pembelajaran secara dalam talian merupakan kaedah pembelajaran yang paling popular, namun guru-guru boleh melaksanakan pengajaran mereka mengikut keperluan masing-masing sama ada secara luar talian ataupun secara *off-site* disebabkan kekangan yang dihadapi mereka terutamanya di kawasan luar bandar. Justeru, perincian mengenai kaedah yang digunakan amat diperlukan supaya penambahbaikan dapat dilakukan serta menjadi rujukan pada masa akan datang.

Menurut [Hashim et al. \(2020\)](#), hasil analisis kajian lepas menunjukkan bahawa ketiadaan talian internet dan capaian internet yang kurang stabil merupakan cabaran utama dalam melaksanakan PdP secara dalam talian bagi guru dan murid. Hal ini kerana akses terhadap internet yang terhad menjejaskan kelancaran PdP secara dalam talian. Satu kajian yang dilakukan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Ranau Sabah menyokong kenyataan ini di mana hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 58% guru berdepan dengan masalah gangguan internet ([Goliong et al., 2020](#)). Keadaan ini dilihat sebagai sebab matlamat yang disasarkan terhadap kaedah PdP dalam talian kurang berhasil sekaligus akan memberi kesan kepada murid.

Selain itu, kelengkapan kemudahan gajet dan peranti juga menjadi cabaran pelaksanaan PdP dalam talian kerana kesediaan murid sangat dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi keluarga. Tahap kesediaan murid daripada golongan keluarga berpendapatan rendah lebih kurang berbanding murid daripada golongan keluarga berpendapatan tinggi disebabkan oleh ibu bapa yang pendapatan mereka terkesan lebih mementingkan keperluan harian berbanding keperluan pembelajaran ([Jafar et al., 2020](#)). Masalah kekurangan peranti pembelajaran di kalangan guru dan murid seperti komputer riba, telefon pintar dan tablet juga menjejaskan proses PdP dalam talian ([Fauzi & Sastra, 2020](#)). Namun demikian, masalah ini dalam kalangan guru tidak terlalu ketara jika dibandingkan dengan yang berlaku dalam kalangan murid kerana rata-rata guru memiliki kelengkapan yang lebih baik berbanding murid.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, kajian tersebut tidak menumpukan kaedah selain daripada kaedah pengajaran berunsurkan teknologi seperti PdP dalam talian di kawasan bandar. Justeru, kajian ini penting untuk membantu guru kawasan luar bandar mengatasi masalah yang dihadapi mereka dalam pelaksanaan sesi PdP secara berkesan. Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh warga pendidik untuk memaksimumkan tahap penyampaian mereka sekali gus memberi impak yang positif untuk para murid dalam aspek pembelajaran.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah PdP luar talian yang dijalankan di kawasan luar bandar. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka kaedah PdP luar talian yang dijalankan oleh guru sekolah rendah di kawasan pedalaman negeri Sarawak dan meneroka kesediaan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun demikian, kajian ini hanya melibatkan guru-guru sekolah rendah yang bertugas di kawasan pedalaman Sarawak dan kajian ini terbatas kepada guru-guru sekolah kerajaan yang tertakluk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian seterusnya dalam artikel ini akan membincangkan mengenai sorotan literatur berkaitan pembelajaran dengan teknologi rendah yang bertumpukan kaedah pengajaran secara arahan langsung, pengajaran terbeza dan pembelajaran penemuan. Kemudian, artikel akan menjelaskan mengenai kaedah kajian dan prosedur yang dijalankan dalam kajian ini. Dapatan kajian akan dibentangkan dan dibincangkan. Akhir sekali, implikasi, halangan dan hala tuju untuk kajian masa hadapan akan dicadangkan pada akhir artikel ini.

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1. Pembelajaran Berpusatkan Guru**

Kaedah pengajaran yang digunakan dalam bilik darjah sering dikelaskan kepada dua kategori pedagogi yang berbeza dan berasingan iaitu kaedah berpusatkan guru dan kaedah berpusatkan pelajar (Garrett, 2008; Lightweis, 2013). Perbezaan utama antara pedagogi berpusatkan guru dan berpusatkan pelajar ialah tumpuan di mana pembelajaran berpusatkan guru bergantung kepada input atau output guru (kuliah) dan pelajar belajar sendiri. Guru memberikan maklumat yang diperlukan dan pelajar menerima maklumat tersebut secara pasif. Guru mengawal pengalaman pembelajaran dan pelajar kebiasaannya mempunyai sedikit peluang untuk berinteraksi dengan pelajar lain atau berfikir dengan aktif (Emaliana, 2017; Serin, 2018).

Pendekatan berpusatkan guru berdasarkan kepada teori tingkah laku yang mencetuskan idea bahawa pertukaran tabiat atau sikap berpunca daripada rangsangan luar (Skinner, 1974). Menurut teori ini, pembelajaran merupakan kaedah untuk menggantikan perilaku. Begitu juga sekiranya seorang guru menjelaskan kaedah untuk membuat penambahan nombor kepada pelajar dan pelajar tersebut secara konsisten memberikan jawapan yang salah namun apabila pelajar itu dapat menjawab dengan betul, perilakunya menunjukkan bahawa dia telah belajar untuk membuat penambahan.

Dalam kelas yang menggunakan kaedah berpusatkan guru, kawalan merupakan kepentingan utama dan "kuasa atau hak dihantar secara peringkat" (Dollard & Christensen, 1996) yang bermaksud guru melaksanakan kawalan terhadap pelajar. Pengkaji kaedah pembelajaran berpusatkan guru berpendapat bahawa dalam suasana bilik darjah ini, kepatuhan dinilai berdasarkan perilaku pelajar pasif berbanding pelajar aktif (Freiberg, 1999).

Kaedah pembelajaran yang menggalakkan tumpuan kepada guru sering dijalankan untuk membantu guru mengekalkan kawalan ke atas pelajar seperti kuliah, perbincangan berpandu, dan demonstrasi (Edwards, 2004). Dalam kaedah pembelajaran ini, adalah sangat baik untuk guru berada di hadapan kelas dan semua pelajar menyelesaikan satu kerja atau tugas yang sama. Selain itu, fizikal bilik darjah juga direka bentuk untuk mendorong perhatian kepada guru serta mengurangkan perilaku pelajar yang menjejaskan fokus tersebut. Dalam erti kata lain, bilik darjah sering disusun supaya meja menghadap ke arah titik fokus utama iaitu guru (Boostrom, 1991).

### *2.1.1. Pengajaran langsung*

Pengajaran langsung ialah langkah demi langkah, pengajaran demi pengajaran yang dirancang dan mengikut urutan pemerolehan kemahiran yang telah ditetapkan. Matlamat pengajaran langsung adalah untuk mengambil variasi tempatan dan keistimewaan guru atau kanak-kanak berdasarkan arahan (Luke, 2014) serta untuk pelajar kanak-kanak belajar melalui peniruan. Kaedah ini juga digunakan sebagai istilah umum untuk pengajaran kemahiran dengan cara memberitahu atau menunjukkan. Pendekatan ini biasanya digunakan dalam pengajaran tulisan tangan, fonik, huruf dan angka.

Pengajaran langsung adalah istilah yang sering digunakan bertukar ganti dengan pengajaran eksplisit dan boleh disalah anggap sebagai pendekatan didaktik atau tetap untuk mengajar (Fisher et al., 2016). Dalam konteks bilik darjah awal kanak-kanak, kaedah ini merupakan sebuah pendekatan yang berkesan apabila digunakan untuk tempoh yang singkat masa untuk mengajar kemahiran tertentu. Sebagai contoh, huruf

atau pengetahuan bunyi sebagai komponen utama pembelajaran membaca dan kemahiran yang diperlukan untuk semua aspek pembelajaran. Peranan guru dalam pengajaran langsung telah ditetapkan secara khusus iaitu guru memperkenalkan maklumat atau kemahiran fakta melalui proses dan prosedur yang dimulakan oleh guru itu sendiri.

## 2.2. Pembelajaran berpusatkan pelajar

Aktiviti yang berorientasikan pelajar (bekerjasama, berkomunikasi, berinteraksi) dianggap sebagai pendekatan berpusatkan pelajar (Janor et al., 2013). Guru terlibat dalam proses pembelajaran dan mengarahkan pembelajaran pelajar. Pelajar boleh belajar secara berpasangan atau berkumpulan dan mereka boleh berinteraksi serta membantu orang lain belajar (Emaliana, 2017).

Pembelajaran berpusatkan pelajar sering dirujuk sebagai Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL), adalah konsep pendidikan abad ke-21 yang melaksanakan kurikulum baharu menggunakan teknologi dan kebolehan pelajar sendiri untuk mencapai standard yang lebih tinggi daripada gaya pembelajaran tradisional (Zmuda, 2009). Konsep pembelajaran berpusatkan pelajar adalah untuk menghidupkan bilik darjah dan pelajar. Guru dianggap sebagai “pembimbing di sisi”, membantu dan membimbing pelajar untuk mencapai matlamat yang telah dibuat oleh pelajar dan guru.

Untuk mencapai kurikulum yang berjaya bermakna guru juga perlu membuat perubahan dalam cara pengajaran mereka. Pendekatan tradisional “satu bentuk sesuai” untuk semua tidak akan berfungsi dalam persekitaran di mana pelajar adalah sebahagian daripada pembuat keputusan (Zmuda, 2009). Untuk berjaya sebagai seorang guru, sangat penting untuk guru membina hubungan dengan pelajar dan memupuk rasa hormat sekali gus memecahkan halangan yang menghalang komunikasi dan kepercayaan (Moye, 2010). Moye (2010) menyatakan bahawa kaedah ini ialah meminta pelajar belajar semasa mereka sibuk berseronok sekali gus menjadikan pembelajaran dan pengajaran lebih selesa. Selain membina kepercayaan, cara ini juga membolehkan pelajar merasakan mereka boleh membincangkan perasaan mereka atau masalah yang mungkin mereka hadapi, membolehkan guru membimbing mereka mencari jalan untuk memenuhi matlamat pembelajaran. Untuk membina asas bersama pelajar Moye (2010) mencadangkan agar guru lebih terlibat dengan aktiviti pelajar dan komuniti tempat tinggal pelajar. Menghadiri majlis sukan, menyertai kelab dan mencari minat bersama adalah semua strategi yang boleh digunakan untuk membina hubungan dengan pelajar. Adalah sangat penting untuk guru membuat penilaian bukan sahaja terhadap pelajar, tetapi guru juga perlu menilai sendiri, merenung prestasi mereka sendiri dan membetulkan kesilapan yang mungkin mereka lakukan. Seorang guru yang benar-benar bersemangat dan menyukai apa yang mereka lakukan akan mengutamakan pelajar mereka dan melayan pelajar mereka seperti insan hidup (Moye, 2010).

Apabila menggunakan kaedah pengajaran ini adalah penting untuk diingat bahawa pelajar mungkin akan kecewa pada masa-masa tertentu kerana mungkin tidak ada jawapan yang jelas untuk sesuatu penyelesaian masalah apabila mereka bekerja pada tahap pemikiran kritis yang lebih tinggi. Turut penting untuk diingat supaya mengekalkan hubungan antara kerja sekolah dengan dunia realiti pelajar atau hal tersebut akan kelihatan tidak penting kepada pelajar, tidak berkesan serta terputus dari dunia sebenar (Zmuda, 2009).

### 2.2.1. Pengajaran Terbeza

Pengajaran berbeza (*differentiated instruction*) atau pengajaran terbeza merupakan kaedah pendekatan pengajaran yang memenuhi keperluan pembelajaran dan memberi peluang pembelajaran yang sama kepada setiap murid agar mereka mampu belajar secara optimum mengikut aras kognitif dan situasi pembelajaran mereka (Zamri, 2018). Pengajaran terbeza ini mengambil kira tahap pembelajaran murid, kecenderungan serta kemampuan pembelajaran yang dimiliki bagi mencapai sesuatu objektif pembelajaran yang ingin dicapai dalam perancangan pengajaran guru.

Melihat realiti dunia pendidikan masa kini, setiap maklumat yang disampaikan di dalam kelas mampu difahami oleh murid dengan cara mereka sendiri. Murid-murid memiliki kecenderungan dan tahap kefahaman yang pelbagai dalam sesuatu ilmu yang disampaikan. Justeru, satu pendekatan atau kaedah pengajaran perlu digunakan bagi memenuhi keperluan cara murid belajar. Hal ini merupakan cabaran utama bagi guru masa kini di mana memenuhi keperluan tersebut memerlukan maklumat pengetahuan bagi setiap murid berserta pengetahuan pedagogi yang pelbagai untuk diterapkan pada murid tersebut. Tomlinson dan Imbeau (2010) menyatakan bahawa kesediaan murid, minat dan peribadi pembelajaran merupakan kunci utama yang perlu diambil berat dan dipertimbangkan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran terbeza ini. Guru perlu belajar mengembangkan rutin pengajaran di dalam bilik darjah tanpa mengabaikan kepelbagaian murid dari segi kesediaan, minat dan keperibadian murid (Zamri et al., 2015). Rutin pengajaran yang dimaksudkan adalah membezakan kurikulum dengan pengajaran murid melalui satu atau lebih perkara seperti kandungan yang dipelajari murid, proses bagaimana murid tersebut belajar, hasil penguasaan pengetahuan atau kemahiran mereka dan aspek persekitaran.

Di dalam sebuah bilik darjah bagi mana-mana sekolah pula dipenuhi dengan keunikan murid yang datang dari kepelbagaian latar belakang yang berbeza. Perbezaan ini bukan sahaja dari segi tahap akademik malah dari segi budaya, bahasa, penerimaan, kognitif dan keutamaan pembelajaran (Zamri et al., 2015) serta kecenderungan terhadap sesuatu mata pelajaran. Kepelbagaian inilah yang menuntut guru masa kini mengamalkan budaya amalan pengajaran terbeza agar setiap keperluan murid itu dapat dipenuhi tanpa meniadakan hak keperluan mereka bagi menguasai sesuatu kemahiran yang telah ditetapkan dalam kurikulum sesuatu mata pelajaran.

Kauchak dan Eggen (2016) menyatakan bahawa kepelbagaian semakin meningkat dalam bilik darjah hari ini yang terdiri daripada pelajar yang berbeza dari segi bahasa, budaya, gaya pembelajaran, kebolehan, keistimewaan, dan jantina. Dalam hal ini, pendidik pada umumnya sepatutnya mengakui hakikat bahawa pelajar tanpa mengira tahap gred mereka, mempunyai kebolehan yang berbeza, minat, serta keperluan atau keutamaan dalam pembelajaran. Arahan yang berbeza itu menyediakan peluang untuk guru membawa pelajar bersama-sama di dalam bilik darjah walaupun terdapat perbezaan antara mereka (George, 2005). Selain itu, McCoy dan Radar (2007) mengatakan bahawa pembezaan bukan sahaja membenarkan pengubahsuaian kurikulum, bahkan kaedah ini juga menyediakan peluang pembelajaran yang sama untuk semua pelajar apabila keperluan mereka yang pelbagai dipertimbangkan semasa pembelajaran.

### 2.2.2. Pembelajaran penemuan

Dalam konteks kehidupan seharian, kreativiti bukan sahaja suatu penghasilan yang produktif atau berbeza dengan orang lain, tetapi lebih kepada suatu proses pemikiran yang inovatif, subjektif dan peribadi. Menurut [Sudarma \(2013\)](#) kemahiran berfikir atau pemikiran kritis perlu diasah oleh setiap orang dalam kehidupannya. Melatih kemahiran berfikir yang baik yang akan lebih mudah untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Menurut [Siswono \(2006\)](#), usaha untuk membentuk kemampuan berfikir secara kreatif merupakan keperluan sebagai bekal dalam menghadapi tuntutan kehidupan, perubahan dan perkembangan zaman melalui pendidikan yang berkualiti. Pendapat lain yang dikemukakan oleh [Torrance \(2018\)](#) bahawa berfikir kreatif ialah proses dalam memahami sesuatu masalah, mencari penyelesaian yang mungkin, menarik hipotesis, menguji dan menilai. Kebolehan berfikir secara kreatif diperlukan dalam semua bidang ilmu atau pendidikan untuk mencari idea-idea baru yang akan memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang lain. Oleh sebab itu, dalam proses pembelajaran memerlukan kaedah, model dan media yang menyokong peningkatan kemahiran berfikir kreatif pelajar. [Sutikno \(2009\)](#) menyatakan bahawa kaedah pengajaran ialah cara-cara penyediaan bahan pelajaran yang dilakukan oleh pendidik untuk pelajar dalam usaha untuk mencapai tujuan pembelajaran.

Pembelajaran penemuan merupakan model untuk mengembangkan kaedah pembelajaran aktif pelajar dengan mencari tahu sendiri, menyiasat sendiri dan hasil yang diperoleh akan bertahan lama dalam ingatan serta tidak akan mudah dilupakan oleh pelajar ([Prince & Felder, 2006](#)). Pembelajaran penemuan berlaku apabila pelajar menemukan pengetahuan tentang konsep yang disasarkan dengan cara yang dikawal sendiri dengan hanya bahan yang disediakan ([Alfieri et al., 2011](#)). Tahap atau prosedur dalam pembelajaran penemuan ialah rangsangan, pernyataan masalah, pengumpulan data, pemrosesan data, pengesahan, dan generalisasi ([Hosnan, 2014](#)). [Van Joolingen \(1999\)](#) dalam penyelidikannya menyatakan bahawa pembelajaran penemuan dilihat sebagai cara pembelajaran yang menjanjikan keberkesanan atas beberapa sebab di mana faktor utamanya ialah penglibatan aktif pelajar dengan domain akan menghasilkan asas pengetahuan pelajar yang lebih tersusun dengan lebih banyak cara berbanding pembelajaran tradisional, di mana pengetahuan dikatakan hanya dipindahkan kepada pelajar. Kajian yang dijalankan oleh [Akanmu dan Fajemidagba \(2013\)](#) menunjukkan bahawa pembelajaran penemuan amat berguna kepada pelajar yang mempunyai kebolehan yang tinggi dan juga dapat meningkatkan keupayaan bagi mereka yang berada dalam kategori sederhana. Selain itu, kajian [Martins dan Oyebanji \(2000\)](#) menunjukkan bahawa pembelajaran penemuan lebih berkesan daripada pembelajaran konvensional dan kaedah ini meningkatkan keupayaan pelajar. Walau bagaimanapun, penyelidikan [Alfieri et al. \(2011\)](#) menunjukkan bahawa pembelajaran penemuan tanpa bantuan dan bimbingan tidak memberi manfaat kepada pelajar.

### 2.3. Kaedah pengajaran dan impaknya terhadap pelajar

Guru merupakan ibu bapa kedua pelajar di sekolah. Sebagai contoh teladan kepada pelajar di sekolah, guru seharusnya mempunyai kemahiran mengajar yang bersesuaian. Sebagai pelaksana pentadbiran pendidikan yang paling berpengaruh dalam pelaksanaan pendidikan, guru bertanggungjawab terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. [Gafoor dan Babu \(2012\)](#) mengelaskan gaya pengajaran kepada lima iaitu bagaimana guru mengajar termasuk tingkah laku pengajaran, cara guru mengatur pengajaran dan persekitaran bilik darjah, gaya pengajaran dan gaya kognitif

yang mempengaruhi gaya pengajaran seseorang, tingkah laku bilik darjah yang boleh dikenal pasti, cara yang dipilih untuk menyelesaikan masalah, menyiapkan tugas, serta membuat keputusan dalam proses pengajaran. Oleh itu, gaya pengajaran tidak boleh ditafsirkan dalam erti kata yang sempit sebagai satu cara penyampaian maklumat atau ilmu daripada guru kepada pelajar tetapi juga merangkumi semua isu yang berkaitan dengan proses pembelajaran di dalam bilik darjah

Dalam konteks pendidikan, motivasi merupakan faktor penting dalam membantu pendidik meningkatkan pembelajaran (Williams-Pierce, 2011). Apabila pelajar bermotivasi, pembelajaran akan menjadi mudah. Walau bagaimanapun, memotivasikan pelajar untuk belajar merupakan peranan yang mencabar bagi guru dan gaya dan memerlukan teknik pengajaran yang pelbagai untuk menarik minat pelajar. Hal ini selari dengan kenyataan Vărășteanu dan Iftime (2013), di mana guru perlu sentiasa sedar tentang motivasi dan galakan sebagai kunci kepada pembelajaran aktif pelajar. Beberapa gaya pengajaran boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan gaya pengajaran yang pelbagai, selain dapat mengelakkan pelajar bosan dalam pembelajaran dan dapat menjaga motivasi serta meningkatkan pencapaian mereka. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Nir dan Hameiri (2014) yang menyebut bahawa gaya pengajaran dan kualiti pengajaran boleh memberi impak yang positif kepada motivasi pelajar sekali gus menghasilkan pencapaian akademik yang lebih baik malah dapat memotivasikan pelajar untuk belajar dan mempengaruhi sikap mereka. Idhaufi dan Ashari (2017) menyatakan bahawa penggunaan gaya pengajaran yang pelbagai dapat mengelakkan pelajar daripada berasa bosan dalam pembelajaran dan membuatkan mereka berasa lebih bersemangat untuk belajar. Selain itu, apabila pelajar seronok dan bersemangat untuk belajar, mereka akan mempunyai sikap yang baik.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini ialah suatu penyelidikan kualitatif berbentuk kajian tinjauan. Kaedah ini cuba memberikan bukti sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan sebarang pandangan umum tentang tindakan sosial. Jadi, tujuan kajian kualitatif bukanlah untuk mengumpul maklumat yang luas. Sebaliknya, pendekatan ini cuba mendapatkan maklumat berkualiti dengan fokus kepada sampel yang kecil. Populasi kajian ini melibatkan guru-guru sekolah rendah di Sarawak. Sampel kajian ini terdiri daripada tiga orang guru sekolah rendah kebangsaan yang bertugas di kawasan pedalaman Sarawak. Bilangan sampel yang sedikit adalah kerana pendekatan ini cuba mendapatkan maklumat berkualiti dengan fokus kepada sampel yang kecil. Kaedah pensampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini. Walaupun begitu, penemuan daripada kajian yang menggunakan pensampelan ini tidak mewakili populasi tertentu, tetapi dapat memberikan gambaran permulaan tentang bidang yang dikaji (Syed Arabi, 1998; Norizah et al., 2014). Pengkaji juga perlu menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih responden yang paling sesuai dengan kajian (Reinard, 2001).

Kajian tinjauan ini digunakan untuk meneroka dengan lebih mendalam mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran luar talian yang dilaksanakan oleh guru di kawasan luar bandar semasa pandemik COVID19 iaitu dalam konteks ini “bagaimana” guru menjalankan pengajaran kepada pelajar sama ada cenderung kepada kaedah berpusatkan guru atau berpusatkan pelajar dan “mengapa” guru cenderung melaksanakan sesuatu kaedah atau teknik tersebut kepada pelajar.

Kajian ini dijalankan secara dalam talian menggunakan kaedah panggilan video menggunakan aplikasi *ZOOM meetings*. Tiga orang guru sekolah tersebut diminta untuk menjawab soalan-soalan temu bual yang telah disediakan. Soalan-soalan temu bual difokuskan pada aspek-aspek pengetahuan sampel mengenai kaedah pendidikan, perasaan mengenai situasi pendidikan pada tempoh pandemik COVID-19 yang lalu, kaedah-kaedah pendidikan yang digunakan dan sebab-sebab kaedah tersebut dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan untuk mencuba soalan yang dibina, berlatih untuk menemu bual peserta kajian dan mengenal pasti soalan yang mengelirukan serta menulis semula soalan dalam protokol berkenaan menggunakan seorang peserta kajian yang mempunyai kriteria yang sama dengan kajian sebenar.

Data yang dikumpulkan dianalisis secara kualitatif. Semasa temu bual dijalankan, pengkaji merekodkan video temu bual menggunakan aplikasi *ZOOM meetings* tersebut. Selain itu, pengkaji juga membuat salinan rakaman suara telefon pintar tersebut sebagai sokongan data temu bual jika berlaku sesuatu yang tidak diingini terhadap data alat rakaman utama. Selepas itu, rakaman temu bual tersebut ditranskripsikan dalam bentuk verbatim ke dalam komputer dengan menggunakan perisian Microsoft Word. Verbatim tersebut terlebih dahulu telah diulang semak oleh pengkaji sebanyak dua kali bagi memastikan tiada data yang terlepas.

Pengkaji menggunakan perisian NVIVO 11 dalam menguruskan timbunan data yang diperoleh melalui teknik temu bual dalam proses penganalisan data. Penggunaan perisian NVIVO 11 bertujuan menguruskan data kualitatif dengan baik dan teratur kerana perisian NVIVO 11 mampu menyusun tema-tema dari semua data yang diperoleh oleh pengkaji. Bagi memastikan tema-tema yang terhasil adalah tepat, pengkaji mengulang proses pembacaan untuk memberi makna kepada ayat dalam verbatim tersebut. Pengkaji juga berbincang dengan rakan (*peer review*) bagi mendapatkan maklum balas sekiranya terdapat kemusykilan atau kekaburan berkaitan tema tersebut.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan protokol temu bual. Temu bual yang dijalankan terhadap tiga orang guru ini dianalisis untuk mengetahui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh mereka semasa perintah kawalan pergerakan pandemik COVID-19 tempoh hari. Dalam kajian ini, kaedah temu bual semi-struktur telah digunakan. Hal ini kerana temu bual berstruktur digunakan untuk menghimpunkan data yang tepat maklumat demografi seperti umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya.

Terdapat 12 soalan asas yang telah diajukan kepada guru-guru yang terlibat dalam kajian. Soalan-soalan tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu (i) soalan pembuka, (ii) soalan transisi, (iii) soalan untuk menjawab persoalan kajian, (iv) soalan penutup. Pengkaji menggunakan soalan pembuka sebagai mukadimah dalam memulakan proses menyoal peserta kajian. Soalan-soalan pembuka adalah untuk mendapatkan data demografi seperti status perkahwinan, latar belakang pendidikan, pengalaman, dan pengetahuan umum berkaitan bidang pendidikan. Oleh itu, pengkaji menyediakan satu soalan pembuka, dua soalan transisi untuk meneroka pengetahuan guru berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan. Tujuan soalan transisi ini adalah untuk mendapatkan gambaran secara umum pengetahuan asas guru berkaitan kajian yang dijalankan. Seterusnya, terdapat lapan soalan untuk menjawab persoalan kajian dan satu soalan sebagai soalan penutup. Selain itu, terdapat juga soalan iringan yang ditanyakan semasa sesi temu bual untuk menjelaskan kekeliruan dan persoalan

yang timbul daripada soalan-soalan utama yang diajukan kepada guru. Semua soalan utama ini telah mendapat kesahan daripada dua orang pakar dalam bidang pendidikan.

#### 4. Hasil Kajian

Analisis tematik memberikan senarai cabaran dan kaedah pendidikan luar bandar luar talian yang dilaporkan oleh 3 orang guru yang ditemu bual berkenaan kaedah pengajaran mereka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tempoh hari. [Jadual 1](#) menunjukkan tema yang muncul dan kategori berkenaan cabaran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran luar bandar bersama jumlah kekerapan kenyataan tersebut muncul dalam sesi temu bual.

Jadual 1: Analisis Tematik

Tema	Kategori
Perasaan guru	Kurang gembira, tidak berpuas hati (3 kali)
Cabaran	Rasa bersalah (1 kali) Komunikasi antara guru dan murid - masalah internet ( 2 kali) Nota yang mudah difahami (2 kali) Ibu bapa – kurang latar belakang pendidikan (1 kali) Masalah ketiadaan gajet (1 kali) Lembaran kerja yang menarik (1 kali)
Kaedah arahan langsung	Nota dan lembaran kerja – interaktif dan mudah (3 kali) Penerangan melalui pesanan suara (1 kali) Penerangan kepada ibu bapa (1 kali)
Kaedah pengajaran terbeza	Soalan mengikut tahap murid (3 kali) Bahan mengikut kelengkapan dan minat murid (1 kali)
Kaedah pembelajaran penemuan	Projek berasaskan video (1 kali) Sumber di sekeliling (1)
Penilaian	Penilaian secara terus (3 kali) Rakaman (1 kali)
Cadangan Guru	Menjana semula modul (1 kali) Penambahbaikan kemudahan & fasiliti (2 kali) Program CAKNA – guru menziarahi murid (1 kali) Pelaporan PBD – lebih rendah bagi kawasan luar bandar (1 kali)

##### 4.1. Perasaan guru tentang Pdpr luar talian

Perasaan guru berkenaan pelaksanaan pdpr secara luar talian bagi kawasan luar bandar semasa tempoh PKP berkisar tentang rasa bersalah, kurang gembira dan tidak berpuas hati. Perasaan kurang gembira dan tidak berpuas hati muncul sebanyak tiga kali adalah

disebabkan situasi yang terjadi semasa proses Pdpr tersebut. Memetik kenyataan guru C yang menyebut:

*"Macam tak ada fungsi sebab murid pun tak dapat apa yang kita bagi. Kita penat buat lembaran kerja tapi bila kutip balik kekal kosong."*

Menurut beliau, lembaran kerja telah disediakan setiap minggu sepanjang tempoh PKP tersebut dan banyak sumber telah dihabiskan namun hasilnya agak mengecewakan. Menurutnya lagi, hal ini mungkin disebabkan murid-murid beliau memerlukan bimbingan sepenuhnya seperti sesi pembelajaran normal. Manakala guru B pula menjelaskan bahawa perasaan tidak berpuas hati beliau turut disebabkan oleh lembaran kerja:

*"...rasa tak puas hati dengan pencapaian murid dengan latihan kita bagi tu kadang mereka tak hantar balik. Cuma ambil tapi tak hantar balik. Itu jadi masalah."*

Dapatan ini menunjukkan bahawa punca rata-rata guru tidak berpuas hati mengenai pdpr adalah disebabkan sikap murid mereka yang tidak menyelesaikan lembaran kerja yang diberikan atau langsung tidak memulangkan lembaran kerja tersebut.

#### **4.2 Cabaran berkenaan pelaksanaan Pdpr luar talian**

Komunikasi antara guru dan murid menjadi cabaran utama semasa pelaksanaan Pdpr luar talian berpunca daripada masalah talian internet yang sangat teruk dan telah muncul sebanyak dua kali dalam tema ini. Selain itu, masalah ketiadaan gajet turut berada dalam senarai sub tema ini berikutan taraf kehidupan dan status kewangan masyarakat luar bandar yang rendah. Masalah talian internet bukan sahaja menyebabkan proses Pdpr terganggu dan mengehadkan kaedah pengajaran dan pembelajaran malah turut mengganggu komunikasi antara guru dan murid. Guru A menyatakan bahawa:

*"Cabaran yang saya hadapi ialah cabaran untuk berkomunikasi secara langsung memang tak dapat nak video call semua tu. Itu cabaran yang terbesar. Cabaran jalur internet, cabaran kita nak berhubung nak berkomunikasi dengan internet memang sangat mengganggu."*

Kenyataan ini selari dengan kenyataan guru B iaitu:

*"Cabaran pertama capaian internet memang tak ada. Kedua komunikasi antara guru dan murid memang sukar. Susah nak kenal pasti kaedah terbaik untuk mengajar murid sebab pdpr secara luar talian."*

Selain itu, murid-murid juga mengalami masalah kelengkapan gajet dan teknologi untuk pembelajaran berikutan taraf ekonomi mereka. Perkara ini dijelaskan oleh kenyataan guru B bahawa:

*"Memang pendapatan mereka tu bukan seperti orang biasa. Memang golongan yang susah. Jadi mereka tak dapat beli peralatan telephone, laptop dan sebagainya untuk belajar dengan lebih selesa. Lagi satu"*

*kawasan di sekolah pun masalah jugak dari segi talian (internet). Kalau kawasan rumah panjang pun sama.”*

Kenyataan ini juga memberi mesej bahawa walaupun sekiranya kelengkapan teknologi mereka dapat disediakan, masalah tetap tidak akan selesai tanpa penambahbaikan dari sudut ketercapaian talian internet.

Di samping itu, latar belakang pendidikan ibu bapa yang rendah turut memberi cabaran buat guru kerana ibu bapa diharapkan agar dapat menggantikan tugas guru sebagai pembimbing murid di rumah. Namun, keterbatasan pengetahuan ibu bapa dalam subjek-subjek seperti bahasa Arab dan membaca tulisan jawi menyebabkan mereka tidak dapat membantu untuk membimbing murid.

Seterusnya, guru juga berdepan cabaran dalam menghasilkan nota yang mudah difahami murid dan lembaran kerja yang menarik perhatian supaya murid menyelesaikan tugas yang diberikan. Ini kerana, kebanyakan murid tidak mengambil berat berkenaan nota dan lembaran kerja. Sikap murid yang tidak menyiapkan dan menghantar semula tugas memaksa guru untuk lebih kreatif mencari jalan agar murid berminat dan seronok untuk membaca nota sekali gus menyiapkan lembaran kerja.

### **4.3. Kaedah pengajaran langsung**

Kaedah utama yang dijalankan dalam tema ini muncul sebanyak tiga kali ialah nota dan lembaran kerja yang diolah oleh guru supaya mudah diselesaikan selain interaktif dan berwarna-warni untuk menarik minat murid. Selain itu, penerangan kepada ibu bapa juga dilakukan oleh guru di kawasan luar bandar. Kaedah nota dan lembaran kerja ini telah digunakan oleh kesemua guru yang telah ditemu bual berikutan kaedah ini paling sesuai digunakan di kawasan luar bandar disebabkan keterbatasan mereka dari aspek kemudahan lain. Perkara ini dijelaskan oleh kenyataan cikgu C seperti berikut:

*“100% lembaran kerja dalam keadaan mereka tak ada line internet. Tapi lembaran kerja tu berwarna-warni bagi menarik minat mereka untuk buat.”*

Buku teks telah menjadi medium rujukan utama guru disebabkan kekangan dari aspek kemudahan lain. Justeru, guru memberikan arahan yang jelas dan terperinci berkenaan isi penting pengajaran kepada murid agar mereka dapat memahami serta mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan oleh guru. Hal ini dinyatakan oleh guru A seperti berikut:

*“...kita dapat tahu grafik mana yang murid lemah dan perlukan penerangan tambahan. Jadi kalau ada yang complicated macam ini kita akan voice note point nombor satu maksud begini, point nombor dua maksud begini-begini.”*

Selain menyatakan arahan dengan jelas melalui arahan pada lembaran kerja dan pesanan suara, guru juga turut memberi penerangan kepada ibu bapa semasa mereka mengambil tugas di sekolah. Sekiranya murid turut hadir mengambil lembaran kerja, guru akan mengambil kesempatan tersebut untuk mengajar murid secara ringkas untuk melaksanakan lembaran kerja tersebut.

#### 4.4. Kaedah pengajaran terbeza

Dua sub tema muncul sebanyak sekali bagi setiap satu yang terdapat dalam tema ini ialah soalan mengikut tahap dan bahan mengikut kelengkapan serta minat murid. Sub tema soalan mengikut tahap murid muncul sebanyak tiga kali di mana semua guru didapati menjalankan pengajaran dan menyediakan isi pengajaran mengikut tahap murid. Hal ini jelas melalui kenyataan guru A yang mengatakan bahawa:

*“Yang saya aplikasikan, contoh kalau murid yang pandai saya nak objektif pembelajaran bahasa Arab boleh baca tujuh perkataan. Tapi kalau murid yang lemah, kita target tiga perkataan sahaja. Kemahiran yang sama namun hasil pembelajaran yang berbeza. Jadi aktiviti pun sedikit berbeza. Kalau budak pandai ni saya bagi aktiviti lebih sikitlah. Tiga hingga empat aktiviti seperti suaikan, isi tempat kosong. Tapi kalau murid lemah, saya bagi aktiviti suaikan saja kerana kadang-kadang mereka tak boleh menulis lagi walaupun reti membaca.”*

Nota dan latihan yang diberikan mengikut tahap murid supaya murid memperoleh sesuatu daripada sesi pembelajaran. Menurut guru B:

*“Saya bagi nota, latihan berdasarkan tengok keupayaan murid. Kalau murid tu tahap yang sederhana, saya bagi latihan pengukuhan. Kalau murid tu sudah mencapai lebih daripada tahap minima, saya bagi latihan pengayaan. Kalau murid tu lemah, saya bagi latihan berbentuk pemulihan.”*

Selain itu juga, pengajaran turut dilakukan mengikut kesediaan dan minat murid itu sendiri. Menurut guru, walaupun majoriti murid mengalami masalah ketiadaan gajet namun terdapat juga murid yang mempunyai kelengkapan yang baik. Kesempatan ini digunakan sebaiknya oleh guru dengan mengeksploitasi minat yang ditunjukkan murid melalui kaedah pengajaran yang berbeza berbanding murid lain yang tidak mempunyai kemudahan. Menurut kenyataan guru B:

*“...murid tersebut lebih suka gaya pengajaran berbentuk visual video dan sebagainya. Sebagai contoh murid yang saya katakan tadi berkenaan CD, maksudnya murid tadi memang suka menonton filem, jadi saya beri CD untuk dia tonton video.”*

#### 4.5 Kaedah pembelajaran penemuan

Dalam tema ini, projek berasaskan video dan sumber di sekeliling muncul sebanyak sekali menjadi kaedah yang digunakan guru dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran semasa tempoh PKP. Guru-guru yang menjalankan kaedah ini kerana mengambil peluang kelebihan yang terdapat pada seseorang murid tersebut. Sebagai contoh, terdapat murid yang mempunyai komputer riba yang boleh digunakan untuk menonton video. Maka, guru mengambil peluang ini untuk memberikan CD berisi video pelajaran untuk ditonton kemudian memberikan tugas berbentuk projek kepada murid untuk diselesaikan. Kaedah ini turut mendapat sokongan ibu bapa di mana mereka turut bersemangat untuk membuat rakaman pembelajaran anak mereka. Perkara ini dijelaskan oleh guru B seperti berikut:

*"... saya akan bagi satu permasalahan kepada murid berpandukan apa yang dia telah tonton dalam video tersebut. Murid akan selesai dengan sendiri berdasarkan contoh yang diberikan. Contohnya bagaimana hendak menyucikan najis mutawassitah yang terkena pada baju tersebut. Jadi murid akan selesai dan mak ayah akan rakam dan mereka akan berikan video 2-3 minggu kemudian."*

Guru juga menggunakan sumber di sekeliling tempat tinggal murid sebagai sumber penerokaan ilmu mereka. Pemerhatian yang dijalankan sendiri oleh murid membantu mereka mengembangkan pemikiran mereka berdasarkan soalan yang dibina oleh guru. Perkara ini dinyatakan oleh guru C seperti berikut:

*"Sebagai contoh dalam bab wudhuk. Saya minta mereka cari jenis air-air mutlak yang disekeliling mereka untuk mereka gunakan untuk bersuci. Jadi untung mereka boleh senaraikan sebab mereka di kawasan kampung maka senang mereka perhatikan di sekeliling mereka. Jadi saya cipta soalan yang boleh mereka cari jawapannya melalui persekitaran mereka."*

Kaedah ini tidak digunakan oleh guru A disebabkan sumber rujukan murid-murid beliau hanya buku teks. Sumber yang terhad termasuk masalah talian internet menyebabkan guru A tidak melaksanakan kaedah ini.

#### **4.6 Penilaian**

Dalam tema ini, penilaian secara terus muncul dalam setiap kenyataan guru iaitu sebanyak tiga kali. Perkara ini disebabkan semua guru menggunakan lembaran kerja dalam kaedah pengajaran mereka. Hal ini dinyatakan oleh guru C seperti berikut:

*"Hujung minggu mereka akan hantar semula lembaran kerja tersebut dan kita akan nilai. Kita akan tengok mereka jawab atau tak. Penilaiannya berdasarkan lembaran kerja, tulisan dan latihan yang mereka buat."*

Kenyataan ini juga selari dengan kaedah penilaian yang dilakukan oleh guru A seperti yang beliau nyatakan iaitu:

*"Kalau melibatkan menulis pula, latihan yang mereka salin dalam buku. Kita hantar gambar latihan dan mereka salin dalam buku latihan jadi kita akan tengoklah latihan yang mereka buat itu. Kita nilailah sama ada latihan itu berbentuk isi tempat kosong, suaikan, bina ayat, dan lain-lain. Kita akan nilai sama ada betul dia jawab tu dan kalau ada salah kita akan betulkan secara direct."*

Selain itu, terdapat dua kaedah lain yang muncul secara tunggal dalam tema penilaian ini iaitu secara rakaman dan melalui penjanaan semula modul. Penjanaan semula modul ini disebabkan guru merasakan terdapat sebab murid tidak menyelesaikan dan memulangkan lembaran kerja yang diberikan kepada mereka. Menurut guru C:

*"Mungkin soalan yang kami buat ni susah untuk mereka faham jadi kami buat balik soalan yang mudah mereka faham. Kalau mula-mula, mungkin"*

*lembaran kerja hitam putih. Kemudian, kami tukar balik soalan jadi bewarna bagi menarik dan mereka akan buat.”*

Manakala guru B pula menggunakan rakaman yang dibuat oleh ibu bapa mengenai projek atau tugas yang diselesaikan oleh murid. Kaedah ini digunakan kerana ibu bapa turut bersemangat untuk mengambil peranan dalam proses pembelajaran anak mereka sekaligus memudahkan guru untuk membuat penilaian terhadap murid.

#### 4.7 Cadangan Guru

Dalam tema ini, penambahbaikan kemudahan dan fasiliti merupakan sub tema yang paling kerap muncul iaitu sebanyak dua kali. Hal ini kerana, majoriti guru menghadapi masalah berkenaan kemudahan talian internet sekali gus menyukarkan mereka menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, masalah ini juga menghadkan sumber rujukan guru dan murid menyebabkan mereka hanya bergantung kepada buku teks. Penambahbaikan kemudahan akan memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada semua yang terlibat dalam bidang pendidikan. Perkara ini dinyatakan oleh guru A seperti berikut:

*“Harapan saya agar kerajaan membuat satu penyelesaian untuk masalah internet di luar bandar sebab dengan akses kepada internet yang baik ini sebenarnya dapat membuka peluang membuka minda murid-murid kepada tahap yang lebih baik. Selagi mana benda itu tak diselesaikan, guru pun susah nak berkembang di sudut pengajaran sebab terhad sangat-sangat.”*

Selain itu, sub tema lain yang muncul dalam cadangan ialah supaya program CAKNA diteruskan oleh pihak sekolah di mana guru-guru akan pergi ke rumah pelajar-pelajar yang tidak hadir atau tidak memberi maklum balas mengenai lembaran kerja yang diberikan kepada mereka. Guru B dalam kenyataannya mengatakan bahawa:

*“Pihak sekolah perlu melaksanakan program CAKNA. Kita dah tahu murid memang tak dapat datang ke sekolah. Jadi takkan kita hanya nak tunggu ketibaan murid atau ibu bapa tapi kita perlu pergi ke tempat mereka walaupun jauh supaya mereka nampak usaha guru semangat untuk menyampaikan ilmu tersebut.”*

Di samping itu juga, sub tema lain yang muncul ialah berkenaan cadangan supaya tahap pelaporan PBD diturunkan lebih rendah bagi kawasan luar bandar. Cadangan ini diutarakan oleh guru C melalui kenyataan beliau:

*“Pelaporan PBD tetap perlu dihantar jadi isunya kami tak dapat kejar silibus sebab nak bagi topik baru pun susah jadi antara cadangan yang diberikan dan saya pun setuju bahawa perlu diminimumkan, dikurangkan atau direndahkan pencapaian minima. Rasanya kandungan asas dibuat namun tetap tidak adil sebab selaras dengan kawasan bandar. Sepatutnya untuk luar bandar diturunkan lagi.”*

Cadangan ini menggambarkan bahawa pelaksanaan pendidikan luar bandar semasa tempoh PKP mempunyai perbezaan jurang yang ketara berikutan pelbagai faktor yang telah dijelaskan.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian telah membincangkan mengenai pendidikan luar bandar secara luar talian semasa pandemik Covid-19 dari aspek perasaan guru, cabaran yang dihadapi, kaedah-kaedah pengajaran yang dijalankan serta cadangan daripada pihak guru.

## 5. Perbincangan Kajian

Dalam kajian ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran kawasan luar bandar diteroka melalui tiga cara pengajaran iaitu pengajaran langsung, pengajaran terbeza dan pembelajaran penemuan yang juga dikenali dengan pembelajaran inkuiri. Perasaan, cabaran yang dihadapi serta harapan guru juga telah dilaporkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua guru yang ditemu bual menggunakan kaedah pengajaran langsung berasaskan modul semasa PKP tempoh hari. Kaedah berasaskan modul ini dilaksanakan oleh guru di mana guru mengolah modul dan lembaran kerja dengan cara yang interaktif, bewarna-warni serta mudah untuk disiapkan oleh pelajar. Sumber rujukan utama dalam penghasilan modul pula merupakan buku teks sekali gus mengurangkan kebergantungan guru dan pelajar terhadap internet manakala arahan pula diberikan kepada pelajar melalui pesanan suara dan penerangan kepada ibu bapa. Hal disebabkan oleh kekangan yang dihadapi oleh guru dan pelajar untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran mereka secara atas talian. Situasi ini turut disokong oleh kajian [Zawiah \(2020\)](#) yang menyebut bahawa ramai murid lebih gemar mengikuti PDPR yang dijalankan oleh guru dengan menggunakan aplikasi “*WhatsApp*” semasa PKP tempoh hari berikutan sebilangan mereka tidak mempunyai capaian internet yang stabil. Keadaan ini disebabkan oleh capaian internet yang sangat rendah di kawasan tertentu terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

[Mohd Amirul \(2020\)](#) memberikan pendapat mengenai sebab-sebab pembelajaran elektronik murid-murid luar bandar tidak dapat dijalankan secara berkesan ialah disebabkan oleh kadar relatif jurang digital iaitu perbezaan kepantasan capaian internet yang menyebabkan wujud golongan yang memiliki capaian maklumat dan yang tidak memiliki capaian maklumat. Pandangan yang menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian di negara ini telah mencapai tahap yang membolehkannya dilaksanakan tanpa halangan memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Hal ini kerana perkara ini bukan sahaja melibatkan infrastruktur, infostruktur, tahap ekonomi serta semua yang terlibat dalam sektor pendidikan itu sendiri.

Justeru, murid cenderung untuk mengalami keciciran dalam pembelajaran disebabkan masalah ini. Menurut [Tahir dan Ihsan Noorzali \(2020\)](#) kelancaran proses pembelajaran bergantung kepada kemudahan infrastruktur dan infostruktur di mana kegagalan salah satu medium tersebut akan merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, masalah ini juga menyebabkan guru-guru turut berdepan masalah untuk berkomunikasi dengan murid. Menurut [Lapada et. al \(2020\)](#), kaedah pembelajaran atas talian sukar atau tidak dapat dilaksanakan disebabkan kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan murid. Sikap murid dan ibu bapa yang tidak memberikan maklum balas mengenai tugas juga memberi masalah baru kepada guru. Perkara ini disokong oleh kenyataan [Sahoo \(2020\)](#) yang menyebut bahawa tiada sokongan dan kerjasama oleh ibu bapa murid menyebabkan mereka gagal mengikuti sesi pembelajaran yang dijalankan oleh guru.

Menurut kenyataan [Sharifah dan Norshidah \(2021\)](#) menyebut bahawa peranan ibu bapa sangat penting semasa PdPR dalam talian di rumah. Kepentingan peranan ibu bapa sebenarnya bukan sahaja ketika berdepan situasi seperti ini bahkan dalam setiap proses pembelajaran seperti yang dicadangkan oleh kajian [Ramalingam et al. \(2019\)](#). Pencapaian akademik anak dapat ditambahbaik apabila kemampuan kognitif, emosi, sahsiah dan kerohanian ditingkatkan dengan penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran murid ([Mukhtar et al., 2020](#)).

Kaedah kedua yang digunakan oleh semua guru ialah kaedah pengajaran terbeza di mana pembelajaran dan soalan yang diberikan mengikut tahap murid. Sebagai contoh, guru akan memberikan latihan berbentuk pemulihan untuk murid yang lemah, latihan berbentuk pengukuhan untuk murid sederhana dan latihan pengayaan bagi murid-murid yang sudah melebihi tahap minima. Selain itu, terdapat juga guru yang melaksanakan pengajaran mengikut kelengkapan dan minat murid. Namun, kaedah ini sangat terhad kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kemampuan dari segi kemudahan peralatan elektronik.

Selain itu, tahap kesediaan, kreativiti dan pengetahuan guru juga penting dalam perlaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran semasa tempoh pandemik. Kekangan dari sudut capaian internet dan kemudahan gajet telah memaksa guru untuk meneroka dan mencuba kaedah lain yang tidak bergantung kepada internet seperti kaedah pengajaran terbeza dan kaedah pembelajaran inkuiri. [Bahtiar et al. \(2020\)](#) berpendapat bahawa dalam berdepan dengan dunia pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan, guru harus memiliki tahap kesediaan dan kepekaan yang tinggi. Tahap pengetahuan dan kesediaan yang baik akan membantu guru untuk lebih fleksibel dan kreatif dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam menempuh norma baharu, guru yang mempunyai pengetahuan yang luas mengenai kaedah pendidikan akan mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka seperti kaedah pengajaran terbeza dan pembelajaran penemuan. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti guru berjaya mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka mengikut kesesuaian dan tahap murid mereka melalui kaedah projek berasaskan video dan sumber di sekeliling. Murid belajar sendiri untuk menyelesaikan permasalahan yang diberikan oleh guru berpandukan video yang diberikan dalam CD pembelajaran.

Namun demikian, masih terdapat guru yang sukar mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka berkemungkinan disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai kaedah-kaedah pengajaran serta sudah terbiasa dengan kaedah tradisonal yang berpusatkan guru sepenuhnya seperti kaedah "*chalk and talk*". Tambahan pula, situasi norma baru memaksa guru beradaptasi untuk bekerja dari rumah yang merubah budaya kerja dan rutin harian mereka ([Bahtiar et al., 2020](#)). Situasi yang tidak menentu semasa tempoh PKP tersebut juga menyebabkan guru kurang bersedia untuk mengaplikasikan kaedah-kaedah yang pelbagai serta mengambil kira kesediaan murid mereka.

Kaedah penilaian murid juga telah berubah di mana sebelum ini guru dapat menilai secara langsung di dalam kelas melalui aktiviti fizikal dan interaksi mereka sesama rakan. Namun dalam suasana pandemik, penilaian dijalankan melalui lembaran kerja yang telah disiapkan murid. Walaupun begitu, terdapat murid yang tidak menyerahkan semula tugas dan memulangkan lembaran kerja yang kosong telah menyukarkan guru untuk membuat penilaian. Justeru, guru terpaksa mencari jalan dan idea dengan menghasilkan semula lembaran kerja yang menarik minat murid supaya tugas

tersebut disiapkan seterusnya guru dapat membuat penilaian terhadap mereka. Guru juga melakukan penilaian tidak segerak melalui rakaman suara dan rakaman video yang dihantar kemudian di mana kaedah ini tidak memerlukan data internet yang banyak. Kaedah ini sesuai digunakan guru untuk menilai tahap kemahiran membaca murid dan kefahaman murid mengenai sesuatu topik pelajaran.

Terdapat juga cadangan daripada guru berkaitan penilaian murid supaya tahap minimum pencapaian murid dapat diturunkan lagi bagi kawasan luar bandar kerana guru merasakan bahawa tidak wajar pencapaian minimum murid selaras dengan kawasan bandar berikutan kekangan dan halangan yang dihadapi oleh murid luar bandar lebih banyak dan kritikal berbanding murid di kawasan bandar. Guru juga mencadangkan agar program CAKNA diteruskan di mana guru akan turun padang ke rumah pelajar untuk memantau dan membantu murid dalam pelajaran mereka. Program ini juga bukan sahaja akan dapat mengeratkan hubungan antara guru dan murid malah hubungan antara guru dan ibu bapa seterusnya komuniti setempat.

Akhir sekali, pihak kerajaan mesti memandang serius rungutan guru mengenai jurang kemudahan infrastruktur kawasan bandar dan luar bandar untuk memastikan murid luar bandar menikmati taraf pendidikan yang setara dengan murid di kawasan bandar. Perkara ini penting kerana pendidikan akan mencorakkan masa hadapan generasi akan datang seterusnya hala tuju sesebuah negara itu sendiri.

## **5.2 Batasan Kajian dan Cadangan Untuk Kajian Lanjutan**

Walaupun dapatan kajian ini memberikan sedikit sebanyak maklumat mengenai kaedah pengajaran luar bandar semasa Perintah Kawalan Pergerakan tempoh hari, namun amat penting untuk ditekankan bahawa terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Kajian ini tertumpu kepada guru-guru sekolah rendah yang bertugas di kawasan pedalaman tiga di Sarawak dan menggunakan bilangan peserta kajian yang sedikit. Oleh itu, kajian ini bukanlah bertujuan untuk membuat suatu generalisasi terhadap populasi yang dikaji.

Untuk kajian yang akan datang, dicadangkan supaya kajian dilakukan meliputi murid prasekolah dan murid sekolah menengah dan mengambil kira pengalaman guru. Selain itu, soalan-soalan yang diajukan merupakan soalan-soalan asas dan umum dan tidak terlalu terperinci mengenai sesuatu subjek dan tahap keupayaan murid. Oleh itu, untuk kajian lanjutan, soalan temu bual boleh ditambah baik dengan soalan-soalan yang berfokuskan subjek, isi kandungan dan keperluan murid.

## **6. Kesimpulan**

Pendidikan merupakan aspek yang perlu sentiasa diberi perhatian secara serius dan menyeluruh sama ada di kawasan bandar mahupun kawasan luar bandar. Kaedah-kaedah pengajaran yang dijalankan mungkin berbeza namun tetap mempunyai matlamat yang sama iaitu melahirkan modal insan yang berjaya dari segi mental, emosi serta sahsiah diri. Sebagai guru, sangat penting untuk guru sentiasa menambah baik gaya dan kaedah pengajaran agar dapat memberikan yang terbaik buat murid. Dengan mengenal pasti kaedah-kaedah yang berkesan, guru-guru dapat mengubah suai dan merancang kaedah pengajaran mereka dengan lebih baik dan terancang.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua guru yang sudi melapangkan masa untuk ditemu bual dan menjadi responden dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penulis tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dalam melaksanakan kajian ini. Semua kos berkaitan kajian ditanggung sendiri oleh penulis.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Akanmu, M. A., & Fajemidagba, M. O. (2013). Guided-discovery learning strategy and senior school students performance in mathematics in Ejigbo, Nigeria. *Journal of Education and Practice*, 4(12), 82-89.
- Alfieri, L., Brooks, P. J., Aldrich, N. J., & Tenenbaum, H. R. (2011). Does discovery-based instruction enhance learning?. *Journal of educational psychology*, 103(1), 1.
- Bahtiar, R. A., Ibrahim, S., Ariffin, H., Ismail, N. H., & Isa, W. M. K. W. (2020). Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid-19. *Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Boostrom, R. (1991). The nature and function of classroom rules. *Curriculum and Inquiry*, 21(2), 193-216.
- Dollard, N., & Christensen, L., (1996). Constructive classroom management. *Focus on Exceptional Children*, 29(2), 1-24.
- Edwards, C. (2004). *Classroom management and discipline* (4th Ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Emaliana, I. (2017). Teacher-centered or student-centered learning approach to promote learning?. *Jurnal Sosial Humaniora (JSH)*, 10(2), 59-70.
- Fauzi, I. & Sastra Khusuma, I.H. (2020). Teachers' Elementary School in Online Learning of COVID-19 Pandemic Conditions. *Jurnal Iqra' : Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), 58-70.
- Fisher, D., Frey, N., & Hattie, J. (2016). *Visible learning for literacy, grades K-12: Implementing the practices that work best to accelerate student learning*. Corwin Press.

- Freiberg, H. J. (Ed.). (1999). *Beyond behaviorism: Changing the classroom management paradigm*. Boston: Allyn and Bacon.
- Gafoor, K. A., & Babu, H. (2012). *Teaching Style: A Conceptual Overview In S. Sabu. Teacher Education in The New Millennium*. New Delhi: APH, 55-69.
- Garrett, T. (2008). Student-centered and teacher-centered classroom management: A case study of three elementary teachers. *The Journal of Classroom Interaction*, 34-47.
- George, P. S. (2005). A rationale for differentiating instruction in the regular classroom. *Theory into practice*, 44(3), 185-193.
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M., & Yulip, N. G. (2020). Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh (PDPCJJ) semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). *Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah*, 1-15.
- Hashim, F., Rosli, F. F., Elias, F., Mat, M. R. L., & Yusof, C. N. M. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam [Online Teaching and Learning by Novice Teachers of Islamic Education and Its Impact]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 151-162.
- Hosnan, M. (2014). *Pendekatan Saintifik dan Kontekstual Dalam Pembelajaran Abad 21: Kunci Sukses Implementasi Kurikulum 2013 (Edisi 1 Cetakan 3)*. Bogor: Ghalia Indonesia.
- Idhaufi, N. L. M., & Ashari, Z. M. (2017). Relationship between motivation and teachers' teaching style among secondary school students' in Kulai. *Man In India*, 97(12), 299-307.
- Jabatan Perdana Menteri (JPM). (2020). Perutusan Khas YAB Perdana Menteri – 10 April 2020. *PMO*. <https://www.pmo.gov.my>
- Jafar, M. F., Amran, Z. A., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., & Awang, H. (2020, October). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. In *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, 404 (Vol. 410).
- Janor, H., Rahim, R. A., Rahman, A. A., Auzairy, N. A., Hashim, N. A., & Yusof, M. Z. (2013). Integrating Student-Centered Learning in Finance Courses: The Case of a Malaysian Research University. *International Education Studies*, 6(6), 108-123.
- Kauchak, D., & Eggen, P. (2016). *Introduction to teaching: Becoming a professional*. Pearson.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2021). Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah versi 2.
- Lapada Aris Alea, Miguel Frosyl Fabrea, Robledo Dave Arthur Roldan & Alam Zeba Farooqi. (2020). Teachers' Covid-19 awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional readiness and challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), pp.127-144.
- Lightweis, S. K. (2013). College success: A fresh look at differentiated instruction and other student-centered strategies. *College Quarterly*, 16(3), n3.
- Luke, A. (2014). On explicit and direct instruction. *Australian Literacy Association Hot Topics*, 1-4.
- Martins, O. O., & Oyebanji, R. K. (2000). The effects of inquiry and lecture teaching approaches on the cognitive achievement of integrated science students. *Journal of Science Teachers' Association of Nigeria*, 35(1&2), 25-30.
- McCoy, K., & Radar, M. (2007). Differentiated instruction in the classroom and technology lab: Back to the one-room schoolhouse. *Journal of Applied Research for Business Instruction*, 5(1), 1-6.

- Mohd Amirul Akbar. (2020). Covid-19: Nyahkan pendidikan lapuk berasaskan peperiksaan. *MalaysiaKini*: 19 April 2020. Capaian daripada: <https://www.malaysiakini.com/>
- Moye, J. J. (2010). Making Your Classes Come Alive. *Techniques: Connecting Education and Careers (J1)*, 85(4), 8-9.
- Mukhtar, K., Javed, K., Arooj, M., & Sethi, A. (2020). Advantages, Limitations and Recommendations for online learning during COVID-19 pandemic era. *Pakistan Journal of Medical Sciences*, 36(COVID19-S4), S27.
- Nir, A. E., & Hameiri, L. (2014). School principals' leadership style and school outcomes: The mediating effect of powerbase utilization. *Journal of Educational Administration*, 52(2), 210-227.
- Norizah Aripin, Hasrina Mustafa & Adnan Hussein. (2014). Hubungan kedinamikan dalaman dengan keberkesanan pasukan maya: Satu tinjauan di organisasi bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang terpilih. *Malaysian Journal of Communication*, 30, 191-218
- Prince, M. J., & Felder, R. M. (2006). Inductive teaching and learning methods: Definitions, comparisons, and research bases. *Journal of engineering education*, 95(2), 123-138.
- Ramalingam, S., Maniam, M., & Karuppanan, G. (2019). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil Di Selangor (Parents Involvement in Selangor Tamil School Students' Academic Achievement). *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 308-323.
- Reinard, J. (2001). *Introduction to communication research (3rd ed.)*. New York: McGraw Hill.
- Sahoo, S. (2020). E-readiness and perception of student teachers' towards online learning in the midst of COVID-19 pandemic. Available at SSRN 3666914.
- Serin, H. (2018). A comparison of teacher-centered and student-centered approaches in educational settings. *International Journal of Social Sciences & Educational Studies*, 5(1), 164-167.
- Sharifah Hana Lia & Norshidah Mohamad Salleh. (2021). Tahap Kesiediaan Ibu Bapa terhadap Pembelajaran dalam Talian Anak Berkeperluan Khas Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *3rd Kuala Lumpur International Multidisciplinary Academic Conference (KLIMAC 2021)*.
- Siswono, T. Y. E. (2006). PMRI: Pembelajaran Matematika yang Mengembangkan Penalaran, Kreativitas dan Kepribadian Siswa. In *Makalah Workshop Pembelajaran Matematika di MI "Nurur Rohmah". Sidoarjo, 8 Mei 2006*.
- Skinner, B. F. (1974). *About behaviorism*. Random House, New York.
- Sudarma Momon. (2013). *Mengembangkan Keterampilan Berpikir Kreatif*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Sutikno, M. Sobri (2009). *Belajar dan Pembelajaran: Upaya Kreatif dalam Mewujudkan Pembelajaran yang Berhasil*. Bandung: Prospect
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tahir, A. N., & Noorzali, I. (2020). Sedia hadapi kelas maya sesuai normal baharu. *Berita Harian Online*. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu> [25 Dis 2021].
- Tomlinson, C. A., & Imbeau, M. B. (2010). *Leading and managing a differentiated classroom*. Ascd.
- Torrance, E. P. (2018). *Guiding creative talent*. Pickle Partners Publishing.

- Van Joolingen, W. (1999). Cognitive tools for discovery learning. *International Journal of Artificial Intelligence in Education*, 10(3), 385-397.
- Vărășteanu, C. M., & Iftime, A. (2013). The role of the self-esteem, emotional intelligence, performance triad in obtaining school satisfaction. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 93, 1830-1834.
- Wan, Y. S. (2020). *Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19*. 8 April 2020. Retrieved from Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS): <https://www.ideas.org.my/pendidikan-sepanjang-krisis-covid-19/>. Dimuat turun pada 12 Mei 2020.
- Williams-Pierce, C. C. (2011). Five key ingredients for improving student motivation. *Research in Higher Education Journal*, 11, 121-123.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2018). *Pemikiran Inventif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawiah Bahrom. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, 3, 75-80.
- Zmuda, A. (2009). Leap of Faith: Take the Plunge into a 21st-Century Conception of Learning. *School Library Monthly*, 26(3), 16-18.